

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 16 NOVEMBERP 2017

RUJUKAN : 10340

SOALAN :

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan cara-cara untuk membanteras jenayah yang semakin menjejaskan keselamatan di kawasan Perbandaran Sandakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited untuk menentukan kadar perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun. Pelbagai program pencegahan jenayah telah di perkenalkan untuk mengurangkan tahap kebimbangan rakyat.

Kegiatan jenayah indeks bagi Perbandaran Sandakan, Sabah masih lagi dibawah kawalan dan tidak menunjukkan peningkatan yang ketara. Statistik jenayah Indeks bagi Perbandaran Sandakan bagi tahun 2015 sehingga 2017 (Sept) seperti berikut:-

TAHUN		TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016	TAHUN 2017 (JAN-SEPT)	JUMLAH
KATEGORI KESALAHAN						
BIL.	JENAYAH KEKERASAN					
1	BUNUH	8	4	4	3	19
2	ROGOL	10	10	1	7	28
3	SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	0	0	0	0
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	32	11	23	25	91
5	SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	0	0
6	SAMUN TANPA SENJATA API	18	19	8	21	66
7	MENCEDERAKAN	22	12	10	12	56
JUMLAH		90	56	46	68	260
JENAYAH HARTABENDA :						
8	CURI	149	141	71	159	520
9	CURI MOTOKAR	24	20	26	24	94
10	CURI MOTOSIKAL	66	67	79	61	273
11	CURI VAN/LORI/J'BERAT	12	13	15	9	49
12	CURI RAGUT	12	13	9	0	34
13	PECAH RUMAH	222	222	231	184	859
JUMLAH		485	476	431	437	1,829
JUMLAH JENAYAH INDEKS		575	532	477	505	2,089

Dalam mengekang kegiatan jenayah, pihak PDRM telah menjalankan beberapa strategi untuk mencegah jenayah diantaranya adalah seperti berikut:-

- 1) PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STFOC)*, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* untuk memerangani jenayah berat, pengedaran dadah, perjudian dan maksiat yang berlaku dalam negara.
- 2) Mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (*Unit Rondaan Bermotosikal*) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.
- 3) PDRM telah menubuhkan Jabatan Khas iaitu Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) di mana jabatan ini akan memberi fokus kepada program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman serta penglibatan masyarakat untuk membantu pihak polis.

- 4) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit-CIU*) dengan menggunakan konsep "*Intelligence lead policing*" iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif .

- 5) Langkah muktahir yang diambil untuk mencegah jenayah adalah dengan mengambil tindakan dibawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan di bawah POCA adalah berkaitan kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kekusaran kepada masyarakat umum.

Usaha untuk memerangani jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.